

## **PENERAPAN SASTERA DALAM PENGAJARAN BAHASA DI SEKOLAH RENDAH**

Rosnita Hamid

Sekolah Rendah East Spring

Sarifah Hassan

Sekolah Rendah Greendale

### **Abstrak**

Antara matlamat penerapan sastera ialah untuk mengukuhkan pengajaran bahasa, menyemai sikap minat membaca dan menekankan nilai-nilai murni dan pengajaran yang diperolehi daripada karya-karya sastera yang dibaca. Sebagai guru, kita percaya bahawa bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan dan boleh diintegrasikan ke dalam kurikulum Bahasa Melayu. Untuk memanfaatkan peranan dan pengaruh sastera, kita boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid serta memupuk minat dan bakat mereka terhadap puisi dan juga lagu kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti pengayaan sastera di sekolah rendah boleh dijalankan di dalam dan luar masa kurikulum. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan berfokuskan kepada penglibatan murid Darjah 1 hingga Darjah 6 secara aktif dan mengutamakan keupayaan serta keperluan murid. Melalui kegiatan berteraskan sastera, murid lebih teruja, berasa seronok dan mempunyai kecenderungan belajar daripada bahan yang berunsur kreatif dan imaginatif.

## Pengenalan

Penerapan sastera dalam pengajaran bahasa di sekolah rendah secara tidak langsung diharapkan dapat merealisasikan potensi murid kita sepenuhnya serta mengembangkan minat mereka terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Perancangan yang jitu, tekal dan menyeluruh untuk menerapkan pengajaran sastera dalam pengajaran bahasa Melayu secara konsisten merupakan perkara yang harus diambil kira dalam melaksanakan aktiviti pengayaan sastera yang berkesan.

Melalui aktiviti-aktiviti sastera, diharapkan murid dapat memantapkan lagi pengetahuan, pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu. Menerusi wadah ini juga, minat membaca dapat dipupuk, kefasihan bahasa dapat dibina dan budaya Melayu berjaya dihayati dalam kalangan murid.

Guru boleh mengasah bakat murid dalam bidang akademik dan kesenian melalui pembelajaran mengapresiasi puisi yang secara tidak langsung diharapkan dapat merealisasikan potensi mereka sepenuhnya serta mengembangkan minat murid terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Melalui puisi juga, diharapkan guru dapat membentuk rakyat muda Singapura yang tahu bagaimana untuk menghargai penulisan kreatif, mencari jawapan serta sanggup berfikir, menyelesaikan masalah dengan cara baharu dan juga menjana peluang baharu untuk masa hadapan.

Di samping itu, puisi-puisi dan lagu-lagu Melayu diharapkan dapat membantu murid memiliki nilai-nilai murni supaya mereka berwatak teguh dan mampu menangkis cabaran hidup yang tidak dapat dielakkan. Dalam proses menguasai bahasa, murid akan dilatih agar mempunyai keupayaan untuk menerima informasi, menjana idea dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman.

Dengan adanya peluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sastera, guru diharapkan dapat menyemai nilai-nilai murni seperti kepercayaan terhadap diri-sendiri, menjalin persahabatan dengan orang lain, menghormati dan menyayangi rakan-rakan serta bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

Melalui aktiviti pengayaan sastera seperti ini, penerapan kemahiran berfikir, teknologi maklumat, pembelajaran sosial & emosi (SEL), aspek nilai & budaya serta inovasi & keusahawanan dapat diterapkan. Visi Arif Budiman ‘Mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura’ dapat juga direalisasikan.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. menilai keberkesanan penerapan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu dalam menyemai nilai-nilai murni dalam diri murid;
2. menilai keberkesanan penerapan sastera dalam memupuk sifat ingin tahu murid menerusi pembacaan buku-buku cerita Melayu; dan
3. menilai keberkesanan penerapan sastera untuk menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu.

## **Kajian Lepas**

Hadijah Rahmat (1998) berpendapat bahawa bahan-bahan bacaan termasuk karya sastera adalah alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang penting, khususnya kepada golongan kanak-kanak. Malah, sastera kanak-kanak lebih mudah menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana

kanak-kanak memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap sesuatu yang berunsur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bahan-bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Oleh itu, peranan dan pengaruh sastera kanak-kanak dalam masyarakat tidak boleh diperkecilkan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Menurut Othman Puteh (1996), antara matlamat pengajaran sastera ialah untuk pengukuhan pengajaran bahasa, menanam minat suka membaca bahan-bahan sastera, menekankan aspek-aspek moral dan pengajaran yang diperolehi dari karya-karya sastera yang dibaca dan melatih penghayatan ke atas aspek-aspek seni dan estetika dalam bahasa sastera. Selain itu, pendedahan pada genre-genre lain haruslah dipupuk oleh ibu bapa dan guru-guru sejak kanak-kanak ini di bangku sekolah rendah lagi. Perancangan guru yang baik, rapi dan menyeluruh untuk menjayakan pelbagai kegiatan di dalam dan di luar kelas merupakan prasyarat yang penting dalam melaksanakan aktiviti pengayaan sastera yang berkesan.

Menurut Hadijah Rahmat (2006) lagi, guru-guru percaya bahawa perkembangan awal kesusasteraan kanak-kanak dalam masyarakat Melayu dapat dikesan daripada tradisi sastera lisannya, maka Peraduan Menyanyi, Peraduan Bercerita dan Peraduan Bersyair, diadakan. Ini akan memberikan peluang kepada murid untuk mengapresiasi sastera rakyat yang kian pupus dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak.

## Kaedah Kajian

Sebagai persiapan untuk menerapkan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, guru-guru haruslah membuat pemilihan bahan-bahan dengan bijak. Bahan yang dipilih haruslah relevan, sesuai dengan latar, mengikut minat serta kemampuan murid dan wajar

diperkenalkan dari peringkat yang mudah hingga yang agak kompleks. Walau bagaimanapun, guru bahasa Melayu harus membuat pertimbangan untuk memilih bahan dari pelbagai genre, kandungan, nilai dan perspektif agar dapat memberikan pengalaman bahasa dan sastera yang baik dan mencukupi.

Selain itu, aktiviti-aktiviti sampingan yang dijalankan di dalam dan di luar kelas untuk membantu murid hayati sastera haruslah mudah difahami dan boleh diaplikasikan oleh mereka. Bahan-bahan dan tugasan yang disediakan oleh guru semasa mengendalikan pengajaran haruslah menarik dan ada kaitan dengan jiwa murid-murid sekolah rendah. Jangka masa yang diperuntukkan sepaututnya memadai, sehingga murid-murid berjaya menguasai kandungan dan menghasilkan produk berdasarkan daya fikir mereka tanpa mengabaikan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi.

Selain daripada perancangan yang baik, perencanaan seperti meningkatkan motivasi murid agar memberikan tumpuan yang lebih terhadap pelajaran dengan mengambil bahagian secara aktif merupakan salah satu cabaran bagi guru.

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 1 hingga 6. Pengembangan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar perlu dipertingkatkan sejak dari peringkat awal sekolah rendah. Kemahiran-kemahiran ini penting supaya dapat menyokong kemahiran membaca dan menulis. Apabila pelajar punya asas teguh dan kukuh bagi kemahiran mendengar dan bertutur, mereka akan dapat memperluaskan kosa kata, memahami dan menggunakan struktur bahasa yang baik untuk digunakan dalam kemahiran menulis. Pemerolehan kemahiran mendengar dan bertutur diberikan penekanan khususnya pada peringkat awal sekolah rendah untuk membolehkan murid bertutur dengan fasih dan yakin. Hal ini dapat diterapkan

melalui penglibatan murid-murid dalam acara kegiatan menyanyi, bercerita, bersyair, teater cilik dan lakonan kreatif.

## Instrumen Kajian

Pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan pelajar penting dalam kajian ini. Beberapa komponen diukur dalam penyampaian dan persembahan bagi pelbagai aktiviti yang dijalankan. Murid-murid akan dinilai dari segi penampilan, gaya, rentak, nada, sebutan, intonasi, persembahan, penggunaan prop, latar muzik, pemilihan isi cerita dan genre serta penghayatan watak. Ini bertujuan untuk memantau dan mengenal pasti kelakonan dan keperluan murid secara berterusan. Untuk melaksanakan tujuan ini, rubrik-rubrik penilaian digunakan.

Bagi memperbaik mutu persembahan tahun berikutnya, maklum balas daripada para penonton, khususnya ibu bapa, telah dikumpulkan menerusi borang maklum balas yang diedarkan. Maklum balas yang telah dikumpulkan digunakan sebagai bahan rujukan untuk mengubah suai perancangan.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan secara berperingkat-peringkat. Keupayaan dan kemahiran murid semasa menyertai Peraduan Bernyanyi, Peraduan Bercerita, Peraduan Bersyair, Peraduan Teater Cilik dan Peraduan Bacaan Kreatif dinilai. Penilaian yang dijalankan ini memberikan gambaran tentang kebolehan murid menggunakan Bahasa Melayu baku secara berkesan dalam pelbagai konteks, tujuan dan khayalak. Penilaian ini juga dapat mencerminkan kebolehan murid berfikir secara kritis dan kreatif serta keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat, idea dan perasaan secara berkesan melalui penggunaan bahasa Melayu baku. Kegiatan-kegiatan ini juga merupakan wadah untuk menyediakan murid peluang

untuk menonjolkan bakat yang terpendam di hadapan khalayak ramai.

## Dapatan Kajian

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian yang dilakukan, beberapa dapatan dapat disimpulkan.

Pertama, daripada penyemaian nilai yang diterapkan melalui sastera klasik, didapati bahwa cerita-cerita Melayu klasik yang diperkenalkan ini dapat menyemaikan nilai-nilai murni yang dapat membina keyakinan diri seorang murid. Keyakinan ini dibina secara bertahap-tahap. Pada keseluruhannya, murid-murid juga dapat menerapkan nilai-nilai murni semasa bekerja secara berkumpulan dan memahami keadaan rakan-rakan mereka terutama sekali rakan yang sedang menghadapi masalah keluarga mahupun rakan-rakan yang mempunyai struktur keluarga yang berbeza-beza.

Kedua, pemantauan kajian juga mendapati melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, murid-murid yang melakukan serta mengikuti aktiviti ini berasa seronok membaca buku-buku cerita Melayu. Aktiviti mencipta penanda buku dan sesi bercerita dapat mengukuhkan lagi minat murid terhadap bahan-bahan bacaan Melayu.

Ketiga, kajian juga mendapati minat murid-murid terhadap bahasa Melayu menampakkan perubahan yang positif. Ini disebabkan kepelbagaiannya aktiviti yang digunakan dalam pembelajaran seperti contoh, pemikiran murid dapat dimaksimumkan melalui pergerakan suara dan perlakuan serta teknik persembahan. Murid juga dapat merancang teknik persembahan yang terbaik untuk dipersembahkan di hadapan khalayak.

Selain itu, suasana pembelajaran yang tidak mengancam dapat menggiatkan lagi pelibatan murid dalam pembelajaran.

Hal ini disebabkan murid tidak belajar dengan cara sehala sahaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dalam suasana yang santai dan tidak tertekan.

## Kesimpulan

Kegiatan-kegiatan penerapan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu sebaik-baiknya dijalankan secara konsisten setiap tahun.

Melalui wadah ini, pendidikan yang mengembangkan kreativiti dalam kalangan guru dapat dicapai. Pada masa yang sama, Jabatan Bahasa Ibunda, Unit Bahasa Melayu harus membuat perubahan dan memperhalus pengajaran dan pembelajaran bagi memperkaya aktiviti bahasa Melayu supaya tidak ketinggalan zaman.

Sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan untuk memupuk fleksibiliti dan kepelbagaian dalam pembelajaran murid-murid di sekolah rendah, guru harus membantu memperluaskan kemahiran-kemahiran hidup yang kritikal dari usia yang muda, memupuk dalam diri murid-murid tabiat menyoal sambil belajar, dan kerelaan belajar secara berdikari dan berfikir dalam kaedah yang baru dan asli.

## Rujukan

Hadijah Rahmat (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Hadijah Rahmat (1998). *Sastera & Manusia Melayu Baru – Kumpulan Esei & Wawancara*, Persatuan Wartawan Melayu Singapura

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2005). Kementerian Pendidikan (MOE)

Othman Puteh (2000). *Pengajaran Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Molina S.Nijhar (1990). *Apakah Sastera Kanak-kanak khasnya Buku Bergambar*, dalam ‘Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja, diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Abdul Ahmad (K.L:DBP)

Nurturing Every Child (2006). *Flexibility & Diversity in Singapore Schools*. Ministry of Education. Singapore.